

25 APR 1998

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN BURKINA FASO

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mengunjungi Presiden Burkina Faso Blaise Compaore untuk mengucapkan selamat jalan kepada presiden itu yang akan pulang esok setelah mengakhiri lawatan negara lima hari ke Malaysia.

Kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan mesyuarat dua hala pada Khamis dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian perdagangan dan jaminan pelaburan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Malaysia juga akan menghantar delegasi perdagangan ke negara republik Afrika Barat itu untuk menerokai peluang pelaburan.

Antara bidang yang menarik minat Malaysia ialah industri telekomunikasi, perlombongan dan perkhidmatan udara.

Compaore akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar untuk mengucapkan selamat tinggal kepada Seri Paduka Baginda hari ini.

-- BERNAMA
TCL RHM MAI